

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 FEB 2015

Muzium Lukisan 3D Langkawi dibuka

BH- 8/2/2015

» Muzium tiga tingkat disahkan terbesar di Malaysia, kedua di dunia

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi

Pulau Langkawi memiliki daya tarikan terbaharu apabila Muzium Lukisan 3D terbesar negara berharga RM17 juta di Oriental Village, Teluk Burau, di sini, kini dibuka untuk kunjungan umum.

Dikenali sebagai Art In Paradise Langkawi, muzium itu dibina atas tapak seluas 1,950.96 meter persegi, menjadi antara tarikan utama pelancong ke pulau bebas cukai itu.

Muzium tiga tingkat dibahagikan kepada sembilan zon itu juga disahkan sebagai kedua terbesar di dunia.

Nilai tambah pelancongan

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata muzium terbaru itu menjadi nilai tambah kepada produk pelancongan sedia ada.

Beliau berkata, ini memberi lebih pilihan kepada pelancong ke Langkawi.

“Pada mulanya saya tidak yakin dengan cadangan pembinaan muzium 3D ini, tetapi selepas melihat keunikan lukisan berkualiti sehingga memperlihatkan seperti benda sebenar, saya kagum.

“Muzium ini mempunyai lebih 200 lukisan dan disahkan sebagai



Tun Dr Mahathir (empat dari kanan) bergambar di atas lukisan 3D sempenamajlis perasmian Muzium 3D Art In Paradise Langkawi di Oriental Village, semalam. [FOTO BERNAMA]

“Muzium ini disahkan sebagai muzium 3D terbesar di Malaysia dan kedua di dunia”

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

muzium 3D terbesar di Malaysia dan kedua di dunia,” katanya pada sidang media selepas merasmikan muzium berkenaan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuah, Nor Saidi Nanyan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi, Tan Sri Khalid Ramli.

Ilham pelukis tempatan

Dr Mahathir berkata, beliau teruja apabila mengetahui sebahagian pelukis yang mengilhamkan seni lukisan 3D itu terdiri daripada pelukis tempatan.

“Kerjasama pelukis dari Korea dan tempatan ini menghasilkan sesuatu yang unik dan menjadi kebanggaan negara, malah pro-

duk ini boleh memberi pendidikan berguna kepada generasi muda negara ini,” katanya.

Beliau berkata, muzium dibahagikan kepada sembilan zon termasuk Zon Ilusi Optik, Akuarium, Safari, Interaktif 1 dan 2, Fantasi, Klasik, Malaysia dan dewan utama dilengkapi lukisan 3D gergasi.